

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN (SIK)**

**TARIKH : 10.06.2015 (RABU)**

**DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [ SIK ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berkaitan harga minuman di kebanyakan restoran-restoran atau kedai-kedai makan didapati tidak seragam dan mengenakan harga yang tinggi. Adakah pihak Kementerian mempunyai satu mekanisma yang khusus bagi menyeragamkan harga minuman yang disediakan oleh restoran atau kedai makan mengikut jenis restoran dan lokasi memandangkan terdapat sesetengah pengusaha mengenakan harga yang tinggi dan berbeza antara satu-satu restoran walaupun berada di lokasi yang sama dan bahan-bahan untuk membuat minuman adalah sama.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kerajaan prihatin terhadap isu kos sara hidup yang dibebani oleh rakyat dan sentiasa terus mengambil langkah-langkah yang proaktif untuk membantu golongan bersasar iaitu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Pada umumnya, harga makanan dan minuman di kebanyakan restoran adalah tidak sama. Terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keadaan ini dan di antaranya ialah seperti lokasi dan jenis perniagaan, bahan mentah untuk penyediaan makanan serta minuman dan lain-lain. Sehingga kini, tiada satu mekanisme khusus yang menetapkan harga makanan dan minuman di restoran atau di kedai makan. Walau bagaimanapun, Kerajaan menyeru kepada semua peniaga supaya dapat menawarkan harga yang berpatutan dan bukan semata-mata untuk mengaut keuntungan yang tidak munasabah.

Dalam usaha meringankan perbelanjaan harian rakyat, Kementerian telah memperkenalkan Menu Rakyat 1 Malaysia atau MR1M di premis-premis makanan sejak tahun 2011 seperti kantin, restoran, gerai dan kafeteria termasuklah di Institusi Pengajian Tinggi dan hospital Kerajaan. MR1M menawarkan pakej sarapan pagi dan makan tengahari pada harga yang berpatutan iaitu RM2.00 bagi set sarapan pagi dan RM4.00 bagi set makan tengahari. Manakala di Sabah dan Sarawak pula RM2.50 bagi sarapan pagi dan RM5.00 bagi makan tengahari. Sehingga 1 Mei 2015, sejumlah 5,091 premis telah menyertai MR1M.

Kementerian turut melaksanakan **pemeriksaan dan pemantauan yang rapi dan menyeluruh** ke atas premis/restoran melalui **OPS CATUT**. Mulai 15 Januari 2015 sehingga 6 Mei 2015, sebanyak **12,943** pemeriksaan telah dilakukan ke atas **gerai makan, 15,630** pemeriksaan ke atas **kedai makan, 6,868** pemeriksaan ke atas **medan selera, 8,454** ke atas **restoran** dan **1,339** pemeriksaan ke atas **premis di R&R**. Bagi membendung kenaikan harga yang tidak munasabah oleh peniaga yang tidak bertanggungjawab, **tindakan pengeluaran notis di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dilaksanakan ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara. Sehingga 6 Mei 2015, sebanyak **1,131** notis telah dikeluarkan.

Justeru itu, melalui langkah-langkah berkenaan, hasrat Kerajaan untuk menangani masalah kos sara hidup yang dihadapi oleh seluruh rakyat Malaysia akibat sikap segelintir kumpulan peniaga yang mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan yang terlalu tinggi dan tidak munasabah dapat dicapai. Ini sudah tentu akan memperbaiki dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup golongan sasaran agar dapat menikmati kesejahteraan hidup.